



**Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan rasmi Pameran Kesusasteraan Rakyat Negeri Sembilan (PERMANIS)**



**SERDANG, 23 April** – Yang Di-pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan melawat Pameran Kesusasteraan Rakyat Negeri Sembilan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pameran anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, UPM (PERMANIS) dari 21 hingga 24 April itu mempamerkan 25 buah cerita rakyat Negeri Sembilan yang berlaku sekitar 200 tahun lalu dan 100 keping foto kesan sejarah cerita rakyat itu.

Antara objektif pameran itu ialah untuk mendidik mahasiswa untuk menghargai dan memelihara warisan cerita rakyat generasi yang terdahulu yang semakin dilupakan dan memperkenalkan tempat-tempat bersejarah berlakunya cerita itu di Negeri Sembilan.



Baginda juga menyampaikan sumbangan kepada 15 pencerita kesusasteraan rakyat Negeri Sembilan pada majlis itu. Turut mengiringi baginda ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, puteranya, Tunku Ali Redhauddin Tuanku Muhriz, Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi dan Penasihat PERMANIS, Dr. Abu Sofian Yaacob.

Pengarah program selaku Yang Dipertua PERMANIS, Zulkifli Kamaruddin berkata cerita rakyat yang belum pernah didokumentasikan itu diusahakan penyelidikan olehnya sejak awal tahun lalu melalui temubual lisan dengan 15 penduduk yang berusia 68 sehingga 98 tahun di lokasi sebenar cerita itu di Negeri Sembilan.



Katanya antara cabaran ialah tidak semua individu mahu berkongsi cerita rakyat yang dimiliki oleh generasi mereka kerana sebahagian keturunan mereka terlibat dengan peristiwa bersejarah dalam cerita rakyat itu.

Antara cerita rakyat dalam pameran itu ialah Lagenda Bukit Jong, Asal Usul Nama Bandar Seremban, Misteri Buaya Putih Sungai Linggi dan kisah kesaktian pahlawan Negeri Sembilan seperti Datuk Moyang Salleh, Penghulu Naam dan Tok Godang.



Pelajar-pelajar UPM turut mempersembahkan Cak Lempong, lagu-lagu rakyat Negeri Sembilan, ghazal lagu-lagu asli Negeri Sembilan, tarian Berindik dan tarian Kanak-Kanak makan Sirih.

**Berita oleh Khairul Anuar Muhammad Noh dan foto oleh Mohd Hasrul Hamdan. Untuk maklumat lanjut hubungi Zulkifli Kamaruddin 017-2506712 atau Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, Universiti Putra Malaysia (PERMANIS), 03 - 89466064**